



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **SUNAT-SUNAT HAI'AT : JANGAN TINGGALKAN WALAUPUN SUNAT**

**(BILANGAN 257 BILANGAN AKHIR)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

1. Ketika ruku', sunat membaca tasbih sekurang-kurangnya sekali dan lebih afdhal di baca sebanyak tiga kali. Lafaz tasbih ketika ruku':

(( ))

**Ertinya:** *“Maha suci Tuhanku yang Maha Agung dan segala puji baginya.”*

Kemudian sunat disambung dengan membaca:

(( ))

**Ertinya:** *“Maha suci Engkau Ya Allah ya Tuhan kami dan segala puji bagiMu. Ya Allah, ampunilah dosaku.”*

Kemudian sunat disambung lagi dengan doa:

)

((

**Ertinya:** *“Ya Allah, hanya kepadaMu aku ruku‘, dan hanya kepadaMu aku beriman, dan hanya kepadaMu aku berserah diri. Aku menundukkan kepadaMu pendengaranku, penglihatanku, otakku, tulang belulangku, urat sarafku, rambut-rambutku, kulitku dan apapun yang dilakukan oleh kakiku, semuanya kerana Allah Tuhan semesta alam.”*

Namun begitu, jika tidak mahu menggabungkan bacaan di atas ketika ruku‘, maka membaca tasbih sebanyak tiga kali adalah lebih *awla* (utama) berbanding bacaan-bacaan yang lain.

2. Ketika bangkit dari ruku‘ sunat dibaca:

(( ))

**Ertinya:** *“Allah mendengar sesiapa yang memujiNya.”*

Sunat memanjangkan bacaan tersebut bermula dari ketika bangkit dari ruku‘ sehingga berdiri tegak sebelum sujud.

Kemudian sunat dibaca:

)

((

**Ertinya:** *“Tuhan kami, bagiMu segala puji sepenuh langit, sepenuh bumi, sepenuh apa yang ada antara keduanya dan sepenuh apa yang Engkau kehendaki daripada sesuatu selepas itu.”*

3. Sunat meletakkan kedua lutut ke tempat sujud terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan kedua belah tapak tangan dan dahi. Meletakkan ketiga-tiganya mengikut tertib adalah sunat, tetapi meletakkan ketiga-tiganya di tempat sujud hukumnya adalah wajib.
4. Sunat meletakkan hidung di atas tempat sujud.
5. Sunat membuka kedua kelopak mata ketika sujud agar berterusan memandang tempat sujud bagi mendapatkan kekhusyukan dalam sembahyang.
6. Ketika sujud sunat membaca tasbih sekurang-kurangnya sekali dan lebih afdhal di baca sebanyak tiga kali. Lafaz tasbih ketika sujud:

(( ))

**Ertinya:** *“Maha suci Tuhanku yang Maha Tinggi dan segala puji bagiNya.”*

Kemudian sunat disambung dengan membaca:

(( ))

**Ertinya:** *“Maha suci Engkau Ya Allah ya Tuhan kami dan segala puji bagiMu. Ya Allah, ampunilah dosaku.”*

Sunat disambung dengan membaca:

))

((

**Ertinya:** *“Ya Allah, hanya kepadaMu aku bersujud, kepadaMu aku beriman dan kepadaMu aku berserah diri. Bersujud wajahku kepada yang menciptakannya dan membentukkannya, dan kepada yang membuka pendengarannya dan penglihatannya dengan kekuasaanNya dan kekuatanNya. Maha suci Allah, Dialah sebaik-baik pencipta.”*

Disunatkan memperbanyakkan doa ketika sujud sebagaimana yang diriwayatkan dari Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** *“Seorang hamba paling dekat dengan Tuhannya adalah ketika dia sujud, maka perbanyakkanlah doa.”*

(Hadis riwayat Muslim)

Antara yang sunat dibaca ketika bersujud:

))

((

**Ertinya:** “*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan redhaMu dari kemurkaanMu, dan dengan kemaafanMu dari seksaanMu. Dan aku berlindung denganMu dari (azab)Mu. Aku tidak dapat menghitung puji-pujian kepadaMu sebagaimana puji-pujian Engkau terhadap diriMu.*

*Ya Allah, ampunilah aku dari dosaku keseluruhannya, sedikitnya dan banyaknya, awalnya dan akhirnya, yang nyata dan yang tersembunyi.”*

7. Sunat duduk *al-iftirasy* ketika duduk di antara dua sujud dan juga duduk pada *tasyahhud awwal*. Duduk *al-iftirasy* ialah duduk di atas buku lali kiri yang menghadap ke lantai sambil tapak kaki kanannya ditegakkan dengan anak perut jari-jarinya dihadapkan ke kiblat.
8. Duduk istirahat sebentar dengan kadar duduk antara dua sujud iaitu ketika selesai sujud kedua sebelum berdiri.
9. Sunat kedua tapak tangan bertelekan pada tempat sembahyang ketika bangun dari sujud dan dari duduk *tahiyyat* awal atau dari duduk istirahat lepas sujud. Cara ini dapat memudahkan seseorang untuk berdiri dan ianya lebih menyerupai dengan maksud *tawwadhu* ‘(merendahkan diri) kerana yang pasti dengan cara ini seolah-olah seseorang itu berdiri sebagaimana orang yang lemah berdiri iaitu dengan memerlukan bantuan. Cara ini juga yang dilakukan oleh Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*.
10. Sunat duduk *at-tawarruk* ketika duduk *tasyahhud akhir*. Duduk *at-tawarruk* ialah duduk seperti duduk *al-iftirasy*, kecuali dalam duduk *at-tawarruk* sebahagian tapak kaki di

sebelah kiri dikeluarkan melalui bawah kaki kanan serta pangkal paha kiri diletakkan ke lantai (tempat sembahyang).

11. Ketika membaca *syahadat* ( ) dalam *tasyahhud*, sunat menaikkan telunjuk dengan mencondongkannya sedikit ketika membaca ( ), dan mengekalkannya sehingga hendak bangkit dari *tasyahhud awwal* dan sebelum memberi salam pada *tasyahhud akhir*. Lebih afdhal, jika digenggam jari yang lainnya ketika telunjuk dinaikkan dan sunat memandang pada telunjuk ketika ianya dinaikkan.
12. Ketika memberi salam, sunat diniatkan memberi salam kepada orang yang di sebelah kanan dan kirinya, baik terhadap malaikat serta mukmin yang terdiri dari kalangan manusia dan jin.

Begitulah antara perkara-perkara sunat dalam sembahyang yang perlu diketahui dan diambil ingatan. Dengan mempelajari dan mengaplikasikannya secara sempurna dalam sembahyang sehari-hari, diharap ibadah yang dilakukan akan memperoleh keredhaan dan keberkatan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.